

Langkah :

1. Kelas akan disusun atur kepada beberapa stesen dan murid dibahagikan kepada kumpulan.
2. Setiap stesen mempunyai pecahan kad puzzle yang berbeza.
3. Setiap kumpulan perlu berhenti di setiap stesen untuk menjawab soalan berkaitan tajuk Beriman Kepada Hari Akhirat. Kumpulan yang berjaya jawab dengan betul akan mendapat sekeping kad pecahan puzzle.
4. Kad puzzle tersebut perlu dicantum dengan lengkap dan sempurna di hadapan kelas.
5. Kumpulan pertama membentuk puzzle akan mendapat suguhati.

Contoh soalan yang boleh digunakan:

Stesen 1: Nama lain Hari Akhirat.

Stesen 2: Peringkat alam akhirat

Stesen 3: Dalil adanya Hari Akhirat

Stesen 4: Keadaan Manusia Pada Hari Kiamat

Stesen 5: Timbangan Amalan